Prompter akan disediakan

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS SAMBUTAN HARI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SEDUNIA 2026

TARIKH/MASA:

6 JULAI 2026 (ISNIN)

11.00 PAGI

TEMPAT:

STADIUM TUN ABDUL RAZAK

JENGKA, PAHANG

Terima kasih Saudara/Saudari Pengerusi Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(Salutasi akan diberikan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Di seluruh dunia hari ini, cara kita melihat pembangunan luar bandar telah banyak berubah. Jika suatu ketika dahulu kejayaan desa sering diukur melalui berapa banyak jalan dibina, berapa luas tanah diusahakan atau berapa besar hasil pertanian yang dikeluarkan, *today, the view has changed.* Pembangunan luar bandar bukan lagi sekadar soal *physical development.*

2. Kita boleh lihat negara-negara maju kini meletakkan kekuatan komuniti, pembangunan modal insan dan kesejahteraan masyarakat sebagai asas sebenar kepada kemajuan luar bandar. Dalam beberapa siri lawatan kerja saya ke beberapa negara sebelum ini dapat saya dapat simpulkan bahawa:

“Sustainable rural development will only succeed when communities are empowered as main partners in development, not merely as recipients of its benefits.”

3. Inilah yang seharusnya menjadi pegangan kita, bukan sahaja di KKDW, tetapi semua Kementerian dan agensi yang berkait langsung dengan soal pembangunan dan kemajuan desa.

4. Ya, memang benar, jalan raya, jambatan, sekolah, bekalan air dan capaian internet itu penting. Tetapi hari ini, semua itu hanyalah pemudah cara. Kejayaan sebenar pembangunan diukur **melalui kemampuan kita melahirkan masyarakat desa yang lebih berilmu, lebih berkemahiran, lebih berdaya saing dan lebih yakin untuk mencorakkan masa depan mereka sendiri.**

5. Justeru, sebagaimana dunia mempunyai Hari Belia, Hari Wanita Sedunia dan Hari Pekerja.. hari ini kita mencatat satu lagi sejarah apabila **Hari Pembangunan Luar Bandar Sedunia dilaksanakan buat julung kalinya di Malaysia.**

6. Sambutan ini adalah satu pengiktirafan kepada seluruh pemegang taruh desa. Hari ini kita meraikan petani, pekebun kecil, peneroka, nelayan, usahawan desa, wanita, belia dan

pemimpin komuniti yang saban hari menjadi penggerak kepada kemajuan desa dan penyumbang kepada kemakmuran negara.

DESA MALAYSIA : MEMBAWA MODEL PEMBANGUNAN DESA MALAYSIA KE PENTAS DUNIA

Hadirin sekalian,

7. Jadi, apabila kita yakin bahawa komuniti adalah nadi pembangunan desa, maka tanggungjawab kita bukan sekadar memperkasa komuniti di dalam negara. Tanggungjawab kita juga adalah untuk membawa suara, pengalaman dan model pembangunan desa Malaysia ke pentas dunia.

8. Kita mesti mula berfikir dan bertindak melangkaui batas kebiasaan. Pembangunan luar bandar tidak boleh lagi dilihat dalam kerangka tempatan atau domestik semata-mata. Sebaliknya, ia mesti dilihat sebagai sebahagian daripada agenda serantau dan global.

9. Atas keyakinan itulah, saya mahu Malaysia melangkah lebih jauh. *We are not here only to share our experience with the world. We want to position Malaysia as a reference point in inclusive and sustainable rural community development.*

10. Kita mesti berani meneroka pasaran yang lebih besar. ASEAN bukan pasaran kecil. **ASEAN hari ini mewakili sebuah ekonomi hampir RM16 trilion, dengan jumlah penduduk melebihi 680 juta orang.**

11. Pasaran halal global pula dijangka mencecah sekitar **RM20 trilion menjelang 2030.** Ekonomi digital Asia Tenggara diunjurkan boleh **mencecah USD1 trilion menjelang 2030.** Sektor agri-food di rantau ini juga telah **menyumbang lebih RM3 trilion** kepada ekonomi utama Asia Tenggara.

12. Maknanya apa tuan-tuan dan puan-puan? Peluang di hadapan kita sangat besar dan *we must tap into these market.* Produk dan *brand* **Desa Malaysia** mesti berani masuk menembusi pasaran dunia.

13. Sebab itu lah ketika saya di Bangkok menyertai Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN dalam Pembangunan Luar Bandar, Disember tahun lalu – Malaysia telah mengangkat cadangan **penubuhan ASEAN Rural Development and Innovation Council, atau ARDIC**, sebagai platform untuk menyelaras dasar, berkongsi amalan terbaik dan memperkukuh inovasi pembangunan luar bandar serantau.

14. Kemudian kita telah mengadakan banyak siri pertemuan dengan beberapa pimpinan utama ASEAN bagi meneroka **penubuhan Majlis Halal ASEAN**, supaya potensi besar industri halal di rantau ini dapat diselaras dengan lebih strategik.

15. Semua ini hanya boleh dilakukan jika kita yakin bahawa jaringan desa tidak boleh terhenti di sempadan negara. **Desa Malaysia** mesti berani berhubung dengan dunia. Produk desa mesti berani masuk ke pasaran dunia. Usahawan desa mesti berani menjadi pemain ekonomi serantau.

16. Justeru hari ini, saya mahu **Agenda Ekonomi Desa Nasional** yang telah kita perkenalkan sebelum ini menjadi *blueprint* besar untuk melakar kejayaan baharu pembangunan desa negara. **Inilah pendekatan glokal yang perlu kita bawa** — *berakar kuat di desa, tetapi berani menjulang nama Malaysia ke pentas dunia.*

ASAS KUKUH DESA MALAYSIA: DARIPADA PEMBANGUNAN TEMPATAN KE DAYA SAING GLOBAL

Hadirin sekalian,

17. Namun begitu, kita tidak boleh bercakap tentang agenda global jika pasak pembangunan desa di dalam negara tidak diperkukuhkan. Sebab itu, pembangunan luar bandar mesti dilihat secara menyeluruh.

18. Ia bukan hanya tentang membina infrastruktur. Ia bukan hanya tentang bantuan. Tetapi ia melibatkan satu ekosistem lengkap yang merangkumi ekonomi, keusahawanan, pendidikan, modal insan, infrastruktur, pelaburan, teknologi, pelancongan, koperasi dan kesejahteraan komuniti.

19. Alhamdulilah, saya berbangga melihat anjakan ini sedang berlaku. Kita sedang bergerak daripada pembangunan yang bersifat fizikal semata-mata kepada pembangunan desa yang lebih menyeluruh, lebih berdaya saing dan lebih bersedia untuk memasuki pasaran masa hadapan.

20. Dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, kita telah memperkenalkan pelbagai inisiatif baharu untuk memperkukuh ekonomi desa. Melalui RiSsMART dan IkonDesa, kita membantu produk usahawan desa memasuki pasaran yang lebih luas. Melalui Desa Kirana, kita memperkukuh produk pelancongan desa supaya lebih tersusun, berstruktur dan berdaya saing.

21. Bagi usahawan desa pula, kita telah melahirkan lebih **7,000 usahawan baharu, mewujudkan 15,000 peluang pekerjaan dan mencatat nilai jualan lebih RM1.77 bilion.** Melalui program Gate to Global, kita membawa produk desa ke pasaran luar negara dan telah mencatatkan transaksi jualan sehingga **RM1.11 bilion** sepanjang RMKe-12.

22. Dalam pembangunan insan, kita juga telah melahirkan lebih 50,000 huffaz cilik yang berjaya menghafaz lebih 10 surah. Kita memperluas dan memperkemas MRSM Ulul Albab. Kita menyediakan tadika *autisme*, memperkenalkan smart classroom di TABIKA KEMAS dan memperkukuh laluan TVET MARA yang telah melahirkan lebih 800,000 pelajar berkemahiran.

23. Lebih membanggakan, **hampir 500 pelajar Orang Asli telah berjaya menjejakkan kaki ke alam universiti.** Ini adalah angka tertinggi dalam sejarah pentadbiran kerajaan.

24. Sepanjang RMKe-12. Kita naiktaraf jalan hampir 5,000km Di Jengka ini sahaja, **KKDW telah memperuntukkan RM135.3 juta bagi projek menaik taraf jalan** yang memberi manfaat kepada kira-kira 5,100 penduduk, termasuk 48 keluarga Orang Asli.

25. Dalam jangka waktu yang yang sama, kita telah membekalkan elektrik kepada lebih 7,000 rumah dan menyalurkan bekalan air kepada lebih 10,000 rumah di luar bandar.

26. Malah, **hampir 10,000 rumah pula telah dibina dan dibaik pulih, memberi keselesaan kepada hampir 40,000 penduduk desa.** Inilah makna sebenar asas mobiliti sosial masyarakat luar bandar — *apabila rumah jadi lebih selesa, kemudahan asas lebih lengkap dan kehidupan rakyat menjadi lebih baik.*

27. Dari sudut kewangan dan pelaburan pula, agensi-agensi desa terus menunjukkan prestasi yang meyakinkan. Kekuatan kewangan ini membolehkan kita menggerakkan lebih banyak pelaburan berimpak tinggi yang bukan sahaja menjana pulangan, tetapi turut memperkukuh ekonomi masyarakat desa.

28. Saya berbangga melihat kejayaan **258 koperasi di tanah rancangan FELDA yang telah mencatatkan nilai jualan RM50.18 juta sehingga Mei 2026**. Bagi FELCRA Berhad pula… hari ini, peserta FELCRA akan menerima Agihan Keuntungan Belum Agih Interim 1 Tahun 2026 **berjumlah lebih RM126.9 juta.** Agihan ini akan disalurkan secara

berperingkat kepada lebih 72,000 peserta di seluruh Malaysia, melibatkan 747 buah projek yang mencatatkan keuntungan.

AGENDA DESA MALAYSIA SEBAGAI AGENDA NASIONAL

Hadirin sekalian,

29. Semua pencapaian ini tidak berlaku secara kebetulan. Ia terhasil daripada usaha bersama dan kesedaran bahawa pembangunan luar bandar tidak boleh lagi bergerak secara silo. **Pembangunan desa tidak boleh dilihat sebagai tanggungjawab satu kementerian semata-mata.**

30. Ya, KKDW memang menjadi peneraju. Tetapi soal luar bandar turut melibatkan pendidikan, kesihatan, pertanian, digital, infrastruktur, perumahan, ekonomi, belia, wanita, koperasi dan pelbagai lagi sektor yang merentas kementerian dan agensi.

31. Sebab itulah **High Level Committee Pembangunan Desa diwujudkan.** Kita mahu penyelarasan yang lebih tersusun. Kita mahu setiap kementerian dan agensi yang mempunyai sentuhan kepada masyarakat luar bandar bergerak dalam satu hala tuju yang sama.

32. Saya percaya, melalui **penyelarasan di bawah payung Desa Malaysia** inilah, kita telah berjaya melihat penurunan kadar kemiskinan luar bandar daripada 12 peratus pada tahun 2022 kepada 9.9 peratus pada tahun 2024.

33. Saya amat yakin, jika **Desa Malaysia** disusun sebagai satu agenda nasional, hasilnya akan lebih dirasai oleh rakyat. Asasnya sudah jelas. Rekodnya sudah ada. Ekosistemnya sedang kita bina. Langkah seterusnya ialah memastikan **Desa Malaysia bukan sahaja kukuh di dalam negara, tetapi mampu memimpin perubahan baharu dalam pembangunan ekonomi negara.**

PENUTUP

Para hadirin sekalian

34. Sambutan hari ini bukan sekadar tentang kejayaan pembangunan luar bandar. Kita sebenarnya meraikan insan di sebaliknya dan mengiktiraf komuniti yang menjadi denyut desa.

35. Semoga penghargaan yang diberikan hari ini menjadi pemangkin dalam usaha memperkukuh komuniti desa sebagai rakan pembangunan yang akan bersama-sama membina desa yang lebih maju, makmur dan berjaya.

36. Dengan lafaz Bismillahirahmanirahim, saya dengan ini merasmikan sambutan **Hari Pembangunan Luar Bandar Sedunia** buat julung kalinya di Malaysia.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.